

## Sisa rawatan air dibuang LRA Sungai Dua tidak berbahaya

Nur Izzati Mohamad - Mei 7, 2021



BUTTERWORTH: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) menafikan dakwaan menyatakan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua, di sini membuang sisa rawatan air mengandungi mendapan logam berat yang boleh menjejaskan Sungai Perai.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Jaseni Maidinsa, berkata sisa rawatan air yang dibuang dari LRA Sungai Dua ke anak Sungai Perai tidak berbahaya bagi manusia dan persekitaran akuatik.

Katanya, kandungan utama sisa air adalah sisa aluminium yang terhasil daripada penggunaan 'aluminium sulfat' atau 'polyaluminium klorida' untuk proses pembekuan dalam rawatan air konvensional.

"LRA Sungai Dua bukan satu-satunya LRA di Malaysia yang membuang sisa air ke sungai. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menganggarkan LRA di Malaysia menghasilkan sebanyak 5,500 tan metrik sisa air setiap hari.

"Hasil ujian dan penemuan daripada kajian terhadap sisa air di negara ini mendapati keputusannya tidak berbahaya. Keadaan ini bukan sahaja berlaku di Malaysia bahkan dunia yang mana fakta ini disokong oleh beberapa negara lain.

"Tambah pula, menurut kajian bersama MWA dan UTM pada 2008, sisa air tidak disenaraikan sebagai 'sisa berjadual' oleh pihak berkuasa pengurusan alam sekitar di Kanada, Amerika Syarikat dan United Kingdom," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Jaseni berkata, LRA Sungai Dua beroperasi sejak 1973 dan sepanjang tempoh 48 tahun tiada insiden pencemaran air yang dilaporkan di Sungai Perai disebabkan oleh pembuangan sisa air.

Katanya, jika sisa air berbahaya bagi persekitaran akuatik, tidak akan ada ikan di Sungai Perai.

Pada masa sama, katanya, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) yang menjawab pertanyaan Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow pada November tahun lalu memaklumkan bahawa sisa air akan dikawal selia oleh SPAN dibawah Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006 (WSIA).

"KASA menyatakan bahawa ia sedang dalam proses meminda WSIA untuk memasukkan sisa air dan peraturannya mencakupi peruntukan untuk mendirikan kemudahan awam untuk merawat, mengitar semula dan/atau membuang sisa air dengan betul di Malaysia," katanya.

Terdahulu, Pertubuhan Lestari Khazanah Alam Pulau Pinang (LEKAS) melahirkan kebimbangan serius terhadap pengurusan enap cemar mengandungi mendapan logam berat, yang diragui dialirkan masuk ke Sungai Perai daripada LRA Sungai Dua.

Ia berikutan LEKAS mendapat laporan bahawa LRA Sungai Dua beroperasi tanpa kolam takungan enap cemar dan hasil penelitian rambang mendapati, kolam takungan terbabit seperti tidak wujud.

Justeru, LEKAS menggesa PBAPP untuk memberi penjelasan segera mengenai perkara itu kerana sisa enap cemar bagi LRA kebiasaannya mengandungi logam berat aluminium, dikategorikan sebagai sisa berjadual dalam kategori Jadual Pertama Buangan Terjadual SW204, mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling 2005 di bawah Akta 127.

Dalam tinjauan hari ini, Pengerusi LEKAS, Zikrullah Ismail menggesa tindakan segera kerajaan negeri untuk menyelaraskan semua agensi berkaitan bagi memastikan pencemaran yang berlaku dapat diatasi segera.

Beliau mendakwa pencemaran enap cemar itu dikatakan menjejaskan tiga sungai iaitu Sungai Merbau Kudong, Sungai Perai Mati dan Sungai Perai.



*Pengerusi Pertubuhan Lestari Khazanah Alam Pulau Pinang (LEKAS), Zikrullah Ismail menunjukkan air berwarna yang dilepaskan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua. NSTP/Danial Saad*